

**Kertas konsep penggunaan permainan bahasa dalam pembelajaran tatabahasa  
arab di PPIB, UMS, Kota Kinabalu: satu pengenalan**

**ABSTRACT**

Walaupun bahasa Arab telah mula diajar di peringkat sekolah rendah, menengah sehingga ke peringkat universiti termasuklah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) namun, ia tetap dikenali di antara bahasa yang agak sukar dipelajari kerana begitu banyak tatabahasanya. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk membantu pelajar mempelajari tatabahasa Arab dengan lebih mudah, antaranya adalah melalui permainan bahasa. Kajian ini berkaitan dengan pengenalan awal penggunaan beberapa permainan bahasa yang telah dijalankan semasa kuliah, sama ada permainan secara bersemuka ataupun atas talian. Ia bertujuan untuk melihat keberkesanan bahan bantu mengajar tatabahasa Arab menggunakan permainan bahasa, sama ada permainan bahasa yang pernah digunakan sebelum ini ataupun permainan terkini secara atas talian. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah pengumpulan data dibuat melalui temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati pelajar seronok menggunakan permainan bahasa yang digunakan untuk membantu mereka mengingat pelbagai formula tatabahasa Arab sekaligus mendapat markah yang baik dalam kursus ini. Kajian juga akan memberi manfaat kepada tenaga pengajar bahasa Arab dalam pembelajaran dan pengajaran tatabahasa terutamanya, kerana ianya agak sukar untuk dijelaskan dan diaplikasikan dalam penguasaan bahasa pelajar terutamanya bagi pelajar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza.